

Volume 13.

MSC & CTSB News

Author: Nur Syafiqah Maarof
Editor: Siti Amira Aisyah

1. CYBERPORT & CYBERSOLUTION FAMILY DAY 2024

01/03/2024 (JUMAAT) - 03/03/2024 (AHAD)

Syarikat telah menganjurkan aktiviti Family Day yang telah dijalankan selama 3 hari 2 malam di Villea Rompin Resort & Golf, Pahang. Program telah berjalan dengan lancar dengan kerjasama ahli jawatankuasa Family Day MSC CTSB bagi tahun 2024.

Pelbagai program menarik yang telah dijalankan bersama Staf MSC & CTSB dan ahli keluarga masing-masing.



*Klik di sini untuk menonton video montaj: [MSC CTSB FAMILY DAY 2024](#)



2. FAREWELL INTERN - SAYANG ELYIANA SOFTWARE ENGINEERING

07/03/2024 (KHAMIS)

Selamat maju jaya diucapkan kepada Intern CTSB, Sayang Elyiana yang telah menjalankan praktikal di CTSB selama 6 bulan.



Pihak Syarikat mengucapkan ribuan terima kasih diatas kerjasama dan sumbangan yang telah diberikan sepanjang sesi praktikal di CTSB.

3. JEMPUTAN UNTUK MENGHADIRI SESI TAKLIMAT DAN MAJLIS PENYERAH SURAT TAWARAN PROJEK PUBLIC-PRIVATE RESEARCH NETWORK (PPRN) 2.0 TAHUN 2024

07/03/2024 (KHAMIS)

Sesi bersama taklimat dan majlis penyerahan Surat Tawaran kepada wakil syarikat yang berjaya mendapatkan dana padanan dari pihak KPT melalui geran Projek Rangkaian Penyelidikan Awam-Swasta (PPRN) yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Dr. Haji Megat Sany Megat Ahmad Supian.

5 wakil syarikat terpilih setelah melalui beberapa fasa pembentangan melalui peringkat dalaman Universiti dan panel dari KPT sendiri. CTSB antara syarikat yang terpilih melalui projek pembangunan robotik untuk bandar pintar iaitu " e-kiosk Service Robot for Smart City"

Wakil syarikat dihadiri oleh CEO, Ikhwan, Yusuf dan wakil UTHM Dr. Abu Ubaidah selaku ketua projek geran padanan PPRN yang berjumlah hampir RM100k.



4. MESYUARAT TASKFORCE EPBT BIL 1/2024

10/03/2024 (AHAD)

Pihak ICT Johor dengan kerjasama SUKKT, CTSB dan PBT telah mengadakan mesyuarat Taskforce Sistem ePBT bagi Bil 1/2024.

Ia telah dijalankan di Bilik Mesyuarat ICT Johor dengan dihadiri pegawai Teknologi Maklumat PBT-PBT Johor. Tujuan mesyuarat Taskforce ini dijalankan adalah bagi membincangkan berkaitan isu-isu teknikal sistem yang berbangkit. Selain itu, keperluan keputusan daripada pihak PBT, ICT Johor dan SUKKT dalam menetapkan skop kerja kepada CTSB dengan menyelesaikan masalah pengguna sistem yang dihadapi



5. SELAMAT MENYAMBUT BULAN RAMADHAN AL MUBARAK

12/03/2024 (SELASA)



Syarikat mengucapkan Selamat Menyambut Bulan Ramadhan Al Mubarak kepada semua staf MSC Cyberport Sdn Bhd dan Cybersolution Technologies Sdn Bhd.

Semoga Ramadhan kali ini dapat dihayati dan memberi makna kepada kesemua umat Islam di seluruh dunia.

6. PEMBENTANGAN SISTEM KEPADA JABATAN AKAUNTAN NEGARA

13/03/2024 (RABU)

Satu pembentangan sistem telah dijalankan kepada Jabatan Akauntan Negara. Ia merangkumi pembantangan kepada keseluruhan modul Sistem ePBT yang telah dibangunkan oleh CTSB.

Pembentangan tersebut telah berjalan selama 4 jam yang dilakukan secara atas talian bersama pihak Jabatan Akauntan Negara dan wakil CTSB iaitu Pn Arina dan Zawanah.

Ianya bagi memastikan sistem yang dibangunkan masih menepati piawaian SAGA yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara.

7. PEMBENTANGAN AWAL MODUL LESEN 3.0 SISTEM EPBT MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

13/03/2024 (RABU)

Pihak MBJB telah bersetuju untuk membuat pembentangan awal bagi Modul Lesen 3.0 sistem ePBT MBJB yang dihadiri oleh pegawai Lesen dan pegawai Teknologi Maklumat.

Pembentangan awal tersebut dilakukan bagi merujuk perubahan yang telah diminta oleh pihak MBJB sebelum menjalankan sesi latihan dan go-live Modul Lesen 3.0.

Pihak MBJB juga telah bersetuju untuk diteruskan dengan sesi Latihan kepada pengguna dan menjalankan go-live Modul Lesen 3.0 pada 01hb April 2024 yang akan datang

8. CYBERPORT ACADEMY – TRAINING CERTIFIED ESG INNOVATOR (CESGI)

18/03/2024 (ISNIN) – 21/03/2024 (KHAMIS)

Cyberport Academy telah menjalankan sesi latihan bagi kursus Certified ESG Innovator (CESGI) dari 18hb Mac 2024 sehingga 21hb Mac 2024. Ia telah dihadiri lebih dari 6 peserta yang menyertai kursus tersebut. Dari pihak Cybersolution telah menghantar seorang wakil iaitu Yusuf (Robotic Engineer) untuk menghadiri kursus tersebut. Kursus yang menarik dalam menyumbang kepada kepakaran individu dan syarikat dengan mengambil bahagian dalam perbincangan kolaboratif yang baik sepanjang sesi latihan selama 4 hari ini. Tahniah diucapkan!



9. PN ARINA – THE STAR BACKUP ARE LIFELINE TO YOUR DIGITAL LIFESTYLE

25/03/2024 (ISNIN)

The Star Backups are lifeline to your digital lifestyle

TECHNOLOGY

Monday, 25 Mar 2024

Related News

CORPORATE NEWS 1d ago
China's DeepGlint partners TAR UMT to introduce AI to...

INSIGHT 6h ago
Fundamentals vie with 'Fomo' as US technology-boom driver

TECHNOLOGY 25 Mar 2024
Mosti: Need for technical talents with better understanding of...



Sin says that having a comprehensive backup strategy is crucial for recovering from such incidents, likening it to 'insurance' for digital assets. — Synology Malaysia

Nur Arina Ramlee, chief technology officer at Cybersolution Technologies, stresses the value of having proper backups.

"Unfortunately, typically, users do not regularly backup their data as often as they should. Usually, this comes down to a few key elements.

"Many users underestimate how upsetting data loss may be when it occurs to them or believe it only happens to other people.

"People are sometimes discouraged from starting because they believe that creating backups is complicated and time-consuming," she says.

Arina hopes that as awareness increases and user-friendly backup options become more widely available, more people will incorporate backups into their digital routines.

She recalls an incident involving a restaurant, which was exploring franchising opportunities at the time. The restaurant owner had stored all the key components of the company, including financial records, designs for its franchising plan, and even his beloved recipes – which he spent years perfecting and digitising – on a laptop.

That laptop was stolen at an airport during a business trip, resulting in the loss of years' worth of data.

The rise of ransomware is another threat to data. In a ransomware attack, the files on a computer system are encrypted, in most cases rendering them unusable, with the threat actor demanding a ransom payment to decrypt the data.

Sin says that having a comprehensive backup strategy is crucial for recovering from such incidents, likening it to 'insurance' for digital assets.



Arina recommends a straightforward approach to backup by starting with identifying the data crucial to your daily digital activities. — Cybersolution Technologies

"Ensuring data security and continuity is paramount for users and businesses alike.

"Creating a backup strategy is like providing a safety net, allowing users to restore their data to a previous state and resume normal operations swiftly.

"As digital lifestyles become more prevalent, the potential impact of data loss on both personal and professional fronts has heightened, underscoring the importance of robust backup practices," he says.

As for companies, Sin highlights cost concerns and limited resources as major reasons why small- and medium-sized businesses (SMBs) often neglect backing up their data.

Rujuk Artikel:

<https://www.thestar.com.my/tech/tech-news/2024/03/25/backups-are-lifeline-to-your-digital-lifestyle>

10. SESI UAT MODUL ASET ALIH MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG

26/03/2024 (SELASA)

MBDK dan CTSB telah menjalankan sesi User Acceptance Test (UAT) bagi Modul Aset Alih di pejabat MBDK pada 26hb Mac 2024 yang lepas.

Sesi tersebut adalah bagi memastikan pengguna menguji sistem dan berfungsi seperti mana yang dikehendaki oleh pihak MBDK.

Daripada pihak CTSB diwakili oleh Habibah, Syahirah dan Nazrin secara fizikal. Team Johor yang telah dihadiri secara atas talian adalah Pn Arina, Shah, Azizi dan Amira Inez.




11. MESYUARAT TASKFORCE EPBT BIL 2/2024

27/03/2024 (RABU)

Mesyuarat Taskforce ePBT telah dijalankan pada 27hb Mac 2024 yang lepas. Ia adalah sambungan perbincangan daripada Bil 1/2024 berkaitan isu-isu teknikal yang dihadapi pengguna terhadap sistem.

Perbincangan kali ini adalah menjurus kepada Modul Penilaian, Modul Sewa dan Modul Kewangan yang telah digunakan oleh PBT. Hasil mesyuarat taskforce ini adalah mendapatkan input keseluruhan untuk menjalankan Bengkel Sistem ePBT yang akan dijalankan pada pertengahan bulan 4 2024 yang akan datang.

Mesyuarat Taskforce ePBT telah dihadiri oleh pihak ICT Johor, SUKKT, PBT dan wakil CTSB yang terdiri daripada Pn Arina, Azwan, Zawanah, Fozuyanis dan Syafiqah Maarof.



12. MAJLIS BERBUKA PUASA MSC & CTSB

Syarikat MSC dan CTSB telah mengadakan majlis berbuka puasa kepada semua staff. Program tersebut telah berjalan dengan lancar dengan setiap cawangan melakukan majlis berbuka puasa tersebut di negeri masing-masing.

Pelbagai juadah yang menarik dihidangkan dan suasana berbuka puasa yang meriah. Objektif program majlis berbuka puasa ini dianjurkan adalah bagi mengeratkan lagi silaturahim sesama staff MSC dan CTSB.

CAWANGAN KUALA LUMPUR

27/03/2024 (RABU) - MAHA

Buffet @MAEPS Serdang



CAWANGAN JOHOR

28/03/2024 (KHAMIS) -

Hotel Holiday Inn, JBCC



CAWANGAN KUCHING

28/03/2024 (KHAMIS) - Kenyalang

Restaurant, Raia Hotel Kuching



CAWANGAN KUANTAN

01/04/2024 (ISNIN) -

Rimba by Loaf



13. PERBINCANGAN PERNIAGAAN BERSAMA WAKIL SOUTHMAX SDN BHD

28/03/2024 (KHAMIS)

Satu perbincangan perniagaan dan teknikal bersama wakil syarikat Southmax Sdn Bhd telah diadakan di Menara MSC Cyberport. Ia adalah bagi menjalinkan hubungan kerjasama dari segi perniagaan yang akan memberikan banyak peluang kepada kedua-dua syarikat dalam industri teknologi.

Wakil dari syarikat Southmax adalah Chief Marketing Officer dan Teknikal. Wakil dari Cybersolution dihadiri oleh En Ramlee selaku CEO, Pn Arina selaku CTO, Amanda Tan selaku Senior Business Development Manager dan Ikhwan selaku Unit Lead Robotic and Smart City.



14. STRATEGIC MARKETING MASTERY WORKSHOP

28/03/2024 (KHAMIS)

Tahniah diucapkan kepada semua peserta yang telah menyertai Strategic Marketing Mastery Workshop yang telah diadakan di Gates Meeting Room, MSC Cyberport.

Sesi latihan ini telah dikendalikan oleh Master Trainer, Encik Leow Leik Hong yang telah membuat perkongsian menarik sepanjang sesi. Objektif latihan ini diadakan adalah bagi membantu menambah lagi kemahiran jualan dan pemasaran dengan lebih tinggi.

Sesi latihan ini juga telah dihadiri oleh Amanda, Isma (Business Development), Aisyah (Digital Marketing), Ikhwan, Yusuf (Robotic Engineer), Elisa (Business Admin) dan Mastura (Human Resource).



15. PERBINCANGAN BERSAMA SDEC DAN TROBOT BAGI PEMBANGUNAN KURSUS RAKYAT SARAWAK DALAM TEKNOLOGI

29/03/2024 (JUMAAT)



Program berkaitan kolaborasi antara salah satu dari 3 Syarikat tunjang (anchor) dari Pihak SDEC iaitu TRobot yang di ketuai oleh Tuan Syed Zaini, Pengarah Urusan dan wakil SDEC melalui inisiatif program pembangunan khusus rakyat Sarawak melalui latihan pembangunan bakat berteknologi tinggi. HTTPSS adalah program dibawah SDEC dengan kerjasama Yayasan Pendidikan Bumiputera.

Program Objectives:

- To nurture the talents and skills of Sarawak local industries to become experts in Industry-driven focus areas by providing targeted trainings in Retrofitting & Automation, Automation & Robotics and Additive Manufacturing & 3D Printing*
- To equip the talents with core skills as the enabler to empower them to deliver industry-related project & services for Sarawak industry and beyond*
- To develop the local partner community ecosystem in Sarawak and to help the selected participant to adopt the technology required in the focus areas*

CTSB telah dijemput bersama untuk berkongsi dan membentangkan kerangka kerja kolaborasi antara TRobot dan pihak SDEC dalam pembangunan berasaskan teknologi robotik, pembelajaran STEM, RPA dan perisian.

Antara hasrat kolaborasi lain dari pihak TRobot adalah kerjasama CTSB membantu bumiputera Sarawak dalam aspek pembangunan modal-insan dari CTSB sendiri melalui siri latihan yang akan dikendalikan oleh TRobot kepada wakil staf CTSB dan lantikan syarikat selama tempoh 4bulan secara berperingkat.

semoga siri perbincangan dan perkongsian dari pihak CTSB bersama pihak SDEC dan TRobot akan menumbuhkan hasil untuk masa akan datang.

Perbincangan tersebut dijalankan secara atas talian dan telah disertai oleh En Ramlee selaku CEO dan dihadiri wakil syarikat iaitu Ikhwan selaku Unit Lead Robotic & Smartcity, Janna dan Aini bagi wakil cawangan di Sarawak.